

Anwar temui PM Myanmar bincang bantuan kemanusiaan

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Myanmar, Jeneral Kanan Min Aung Hlaing di Bangkok, Thailand pada Khamis ini, bagi membincangkan bantuan kemanusiaan di negara yang dialami gempa bumi itu dan pergolakan yang membelenggu Myanmar.

Perdana Menteri berkata, pertemuan itu adalah julung kali diadakan bagi seorang Ketua Negara ASEAN dengan pemimpin Myanmar berkenaan.

Perdana Menteri berkata, tujuan asal beliau ke Bangkok itu

adalah untuk bertemu rakan sejawatnya dari Thailand, Paetongtarn Shinawatra, bagi menyelesaikan masalah banjir di Sungai Golok.

“Selepas kunjungan Presiden (China) Xi Jinping, saya akan berlepas sekejap ke Bangkok bagi mesyuarat dengan Jawatankuasa Penasihat ASEAN, Perdana Menteri Thailand untuk menyelesaikan masalah Sungai Golok dan Rantau Panjang, jambatan dan pengorekan serta pembersihan Sungai Golok yang menyebabkan banjir di kawasan selatan Thailand dan Kelantan.

“Selain itu, buat pertama kalinya, seorang Ketua Negara ASEAN akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Myanmar.

“Walaupun kita tidak teruskan hubungan diplomatik dan Konsensus Lima Perkara (5PC) yang menjadi prasyarat kerjasama ASEAN-Myanmar, tetapi atas maksud membantu, kita meneruskan kegiatan kemanusiaan kerana malapetaka gempa bumi yang dihadapi itu agak parah.

“Jemaah Menteri juga bersejua untuk meneruskan bantuan melalui hospital medan yang di-

kemukakan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Itu akan kita teruskan,” katanya pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, kesediaan Aung Hlaing untuk bertemu beliau dengan hanya satu panggilan telefon, menunjukkan Myanmar mengiktiraf persahabatan dengan Malaysia dan menerima seruan negara dengan baik walaupun perbincangan itu kelak tidak akan menumpukan kepada usaha meningkatkan kerjasama sebelum beberapa

prinsip diterima.

Perdana Menteri berkata, pada pertemuan itu nanti, beliau juga akan mengusulkan supaya gencatan senjata di Myanmar yang akan berlangsung sehingga 22 April ini diteruskan dan menghentikan serangan ke atas kumpulan yang dianggap musuh politik.

“Walaupun 17 hari bulan (Khamis ini) adalah cuti agama yang besar di Myanmar, beliau (Aung Hlaing) tetap berlepas ke Bangkok untuk mengadakan pertemuan dengan saya dan terus pulang,” katanya.